

Headline	Sang Saka Biru letih		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Arena	Circulation	407,786
Page No	59	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	89 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Firdaus Hashim	AdValue	RM 1,835
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,504



## Sang Saka Biru letih

Oleh Mohd Firdaus Hashim

**Kuala Lumpur:** Faktor keletihan menjadi punca pasukan bertaraf bintang Polis Diraja Malaysia (PDRM) bergelut sebelum ceria meraih tiga mata mengatasi wakil Universiti, UiTM FC 2-0 di Stadium UiTM, semalam.

Ketua jurulatih The Cops Dollah Salleh menyifatkan permainan anak buahnya kurang menjadi sepanjang 90 minit aksi permainan

hingga menyaksikan UiTM hampir melakukan kejutan.

“Inilah masalahnya, serba tidak menjadi kerana pemain nampak keletihan selepas tiga perlawanan dalam masa terdekat.

“Kami juga ada lagi pertemuan dengan KL SPA, Jumaat ini. Paling penting, kami harus bangkit kerana biarpun menang namun daripada segi prestasi, jauh berbeza,” katanya.

Dalam pada itu, Dollah

turut puas hati dengan penampilan keempat-empat tonggak importnya dan tidak bercadang menggantikan dengan pemain baru.

“Kami tiada masalah dengan khidmat pemain import setakat ini. Walaupun Ali Ashfaq tak menjadi, kami masih ada Charles Souza Chad. Begitu juga dengan pemain tengah, Mo-hamadou Sumareh,” katanya.

Kemenangan kesembilan yang diraih itu sekali gus memastikan skuad Sang Saka Biru itu terus kekal di puncak takhta liga dengan mengumpulkan 29 mata daripada 11 perlawanan.

Ia juga meletakkan pasukan ini kekal menang semua perlawanan menjelang pusingan kedua Liga Perdana. PDRM akan meneruskan rentak kemenangan dengan melayan kunjungan KL SPA di Kelana Jaya, Jumaat ini.